



Submission date: 05/12/2018

Accepted date: 06/04/2019

**PERKEMBANGAN PENULISAN KARYA ADAB AL-'ĀLIM OLEH
SARJANA ISLAM: SATU SOROTAN KE ARAH PENENTUAN SUMBER
KEPADA ETIKA PROFESION PERGURUAN DALAM ISLAM**

*The Development of Adab al-'Ālim's Literature by Islamic Scholars: A Review
towards Determining the Sources of Professional Code of Ethics for Teachers in
Islam*

Mohd Anuar Bin Mamat
Universiti Sains Islam Malaysia

anuarmamat@usim.edu.my

Abstract

Recently, there are various ethical issues related to teachers have been reported in the local newspapers that affect society's perceptions on teachers' quality and professionalism. Therefore, this article reviews the development of the *adab al-'ālim's* literature by Islamic scholars. A number of work related to *adab al-'ālim* is presented and discussed based on the centuries of their deaths from the second century until the 11th century of Hijra. This article finds that the Islamic scholars are very concerned about the *adab al-'ālim* and a lot of work had been produced on this theme as early as the second century of Hijra. There are about 29 Islamic scholars who write the book on *adab al-'ālim*, whether in general or specific issues based on their respective backgrounds. These writings are important contributions of Islamic scholars to ensure the quality of Islamic teachers. It should serve as a basic and holistic Professional Code of Ethics for teachers in order to resolve an ethical issue among teachers and it is in line with the Malaysian government's aspiration in implementing the transformation of the educational system.

Keywords: *Adab al-'Ālim*, professional code of ethics for teachers, Islamic education.

Abstrak

Sejak akhir-akhir ini pelbagai isu berkaitan salahlaku dan permasalahan etika para guru dilaporkan dan berlegar di dada-dada akhbar tempatan. Saban tahun kes-kes ini muncul dan memberi pelbagai persepsi masyarakat terhadap kualiti dan profesion perguruan. Oleh yang demikian, makalah ini akan meninjau perkembangan genre penulisan karya *adab al-‘ālim* yang dihasilkan oleh para sarjana Islam. Sejumlah karya berkaitan *adab al-‘ālim* akan dikemukakan dan dibincangkan berdasarkan kurun-kurun kewafatan mereka bermula kurun ke-2H sehingga kurun ke-11H. Makalah ini mendapati bahawa para sarjana amat mengambil perhatian terhadap persoalan *adab al-‘ālim* ini dan menghasilkan karya seawal kurun kedua Hijrah lagi. Terhadap 29 orang sarjana Islam yang menghasilkan penulisan berdasarkan tema tersebut sama ada secara umum, khusus mahupun berteraskan latar pemikiran masing-masing. Khazanah penulisan ini merupakan sumbangan penting sarjana Islam terdahulu demi menjamin kualiti para guru pendidikan Islam. Ia sepatutnya menjadi asas kepada penentuan Etika Profesion Perguruan dalam Islam yang holistik dalam menangani isu etika para guru selaras dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan transformasi sistem pendidikan di Malaysia.

Kata kunci: *Adab al-‘Ālim*, etika profesion perguruan, pendidikan Islam.

PENDAHULUAN

Sejak akhir-akhir ini pelbagai isu berkaitan salahlaku dan permasalahan etika para guru dilaporkan dan berlegar di dada-dada akhbar tempatan. Saban tahun kes-kes ini muncul dan memberi pelbagai persepsi masyarakat terhadap kualiti dan profesion perguruan. Antaranya seperti kes salah laku moral dan gangguan seksual (Berita Harian, 2011), guru memukul murid sehingga mati (Berita Harian, 2012), guru penyebab pelajar ponteng sekolah (Berita Harian, 2013), guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India (Utusan, 2013), guru ditangkap khalwat dalam semak (Sinar Harian, 2013), MARA menyiasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru (Malaysiakini, 2015), guru dipenjara dua tahun kerana memiliki filem lucah dan menyebarkan gambar lucah serta palsu terhadap pemimpin negara (Harian Metro, 2016), ustaz ditahan kes tiga pelajar tahfiz cedera dirotan (Berita Harian, 2016), guru agama dipenjara dua tahun akibat melakukan kelucahan melampau terhadap pelajar (Berita Harian, 2016), guru terlibat dalam penipuan dan skim cepat kaya (Utusan, 2016), guru besar dijatuhi hukuman penjara dan denda atas tuduhan salah guna kuasa (Harian Metro, 2017), ustaz didakwa di mahkamah kerana memukul pelajar (Berita Harian, 26 Disember 2017) dan pelbagai laporan lagi. Walaupun kes-kes ini sebahagiannya masih dalam siasatan namun ia telah dilaporkan oleh media massa dan menjejaskan pandangan masyarakat terhadap profesion keguruan. Kesemua isu tersebut secara langsung mahupun tidak, adalah

amat berkait rapat dengan adab dan etika perguruan. Semua masalah tersebut dapat diselesaikan jika guru amnya, khasnya guru pendidikan Islam mengamalkan adab dan etika perguruan dengan penuh komitmen sebagaimana yang digariskan oleh tradisi pendidikan Islam dan juga pihak berwajib.

Mengenai hal ini, kajian yang telah dilaksanakan juga membuktikan bahawa guru yang benar-benar menuruti adab dan mengamalkan etika perguruan sebagaimana yang sepatutnya akan menjamin dan meningkatkan profesionalisme mereka (Foo Say Fooi, 2005). Profesionalisme keguruan ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan kecemerlangan diri para guru. Kajian Kamarul Azmi Jasmi, *et.al.* (2009) turut menunjukkan bahawa guru agama yang profesional adalah mereka yang mementingkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas. Mereka mempunyai sifat amanah dan ikhlas yang merupakan dua sifat paling utama yang perlu ada pada guru dalam menjalankan hubungannya dengan Allah dan sesama manusia.

Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan perkembangan genre penulisan karya *adab al-‘ālim* yang telah dihasilkan oleh para sarjana Islam terdahulu bermula kurun ke-2H hingga kurun ke-11H. Sejumlah karya berkaitan *adab al-‘ālim* dan perhatian para sarjana Islam terhadap tema ini akan dikemukakan. Hal ini penting kerana penulisan dan karya mereka ini merupakan sumber serta asas dalam menentukan dan merangka etika profesion perguruan dalam Islam dalam menghadapi cabaran semasa pendidikan.

ADAB AL-‘ĀLIM: DEFINISI DAN GENRE PENULISAN

Pada bahagian ini, definisi *adab al-‘ālim* dan sorotan perkembangan genre penulisan karya yang membicarakan tentang perihal *adab al-‘ālim* akan dibincangkan. Hal ini menjelaskan perhatian para ulama tentang tema *adab al-‘ālim* dan betapa kayanya khazanah Islam dalam bidang tersebut. Ia berpotensi menjadi sumber kepada penentuan etika profesion perguruan menurut perspektif Islam.

Definisi Adab al-‘Ālim

Perkataan adab sebenarnya berasal daripada istilah dalam bahasa Arab. *Aduba* atau *al-adab* membawa maksud yang sangat luas. Ibn Manẓūr (m.711H) menjelaskan asal perkataan *adab* ialah menyeru atau mengajak (*du‘ā’*). Beliau pula menambah seseorang itu akan dinamakan sebagai *adaban* kerana dia mengajak atau menunjukkan manusia lain kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kemungkar. Ibn Manẓūr seterusnya menukulkan daripada al-Zujāj bahawa perkataan *addaba* juga mengandungi makna *‘allama* jika dikhaskan penggunaannya untuk Allah SWT (Ibn Manẓūr, t.t.; Majma‘ al-Lughat, 2005; Hans Wehr, 2008).

Istilah *adab* ini tidak ditemui dalam al-Quran, namun ia ditemui dalam beberapa buah hadith Nabi s.a.w.. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ūd, Baginda s.a.w. menyifatkan bahawa al-Quran sebagai undangan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menghadiri jamuan (al-Rāmāhurmuzī, 2009; al-Ājirī, 2008; al-Nawāwī, 2009). Ibn Khallād al-Rāmāhurmuzī (m.360H/970M) dalam kitabnya *Amthāl al-Hadīth* (2009) menjelaskan bahawa perkataan yang berasal daripada *adab* itu boleh dibaca dengan dua bacaan, sama ada *ma'dubah* atau *ma'dabah*. Bacaan pertama itu membawa maksud jamuan (*walīmah*), manakala bacaan kedua membawa maksud adab yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk mendidik hamba-Nya (*adab Allāh alladhī addaba bihi 'ibādahu*). Oleh itu, hadith ini membawa bermaksud bahawa al-Quran merupakan undangan Allah SWT untuk menghadiri jamuan kerohanian yang makanannya adalah panduan untuk manusia mendidik diri mereka, iaitu *adab*. Dengan sebab inilah Nabi s.a.w. menyeru manusia supaya manusia mengambil bahagian dalam jamuan itu dengan mempelajari isi kandungan al-Quran dengan bersungguh-sungguh (al-Ājirī, 2008; al-Nawāwī, 2009; al-Attas, 1999). Dalam sebuah hadith yang lain pula, Nabi s.a.w. menjelaskan bahawa Allah SWT telah mendidik Baginda dan pendidikan itulah merupakan sebaik-baik pendidikan (*addabanī rabbī fa ahsana ta'dībī*). Istilah *adab* dan pecahan katanya *ta'dīb* ini secara jelas digunakan dalam hadith ini merujuk kepada garis panduan dan pendidikan yang diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi s.a.w. untuk disampaikan kepada umat Baginda sehingga akhir zaman.

Selaras dengan makna tersebut, al-Jurjānī (2000) pula menjelaskan bahawa *adab* bermaksud pengetahuan yang akan mencegah manusia daripada melakukan pelbagai jenis kesilapan [dalam bidang yang diceburi]. Berdasarkan maksud *adab* menurut al-Jurjānī ini, jika kita hubungkan dengan bidang pendidikan Islam, maka adab inilah yang akan menggariskan satu pengetahuan dan amalan yang mampu mencegah para ilmuwan daripada tersalah atau tersasar daripada matlamat sebenar pendidikan Islam yang akan memandu segenap aspek amalannya.

Manakala bagi Syed Muhammad Naquib al-Attas (2015) pula, beliau mendefinisikan *adab* sebagai "pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta". Jadi *adab* itu perolehan diri akan keadaan atau kedudukan yang betul dan benar yang tiada dapat tiada sesuai dengan keperluan ilmu dan hikmat dan keadilan, serta perbuatan diri terhadap keadaan atau kedudukan yang betul dan benar itu menurut letaknya dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat yang mencarakan tabiat semesta.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa adab merupakan suatu yang amat penting dan mendasar dalam pelbagai perkara serta memainkan peranan yang penting dalam tindakan seseorang. Dalam istilah adab terkandung ilmu, hikmah dan juga keadilan. Dengan kata lain dalam dataran semantik kalimah adab ini, beberapa makna lain juga telah dirangkumkan, termasuklah unsur ilmu, hikmah atau kebijaksanaan, keadilan dan juga amalan atau tindakan yang mencerminkan kefahaman seseorang.

Manakala *al-‘ālim* pula juga berasal daripada kalimat bahasa Arab, *‘ilm* dan digunakan dengan wazan pelaku. *‘Ilm* merujuk kepada ilmu dalam terjemahan bahasa Melayu dan kalimah *‘ālim* ini walaupun asalnya daripada bahasa Arab, ia telah diterima sebagai istilah bahasa Melayu, iaitu alim yang juga sinonim dengan perkataan ulama, sarjana dan ilmuwan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Namun begitu, dalam tradisi awal keilmuan Islam istilah *al-‘ālim* ini merujuk kepada sarjana dan ilmuwan yang benar-benar menguasai ilmu pengetahuan dan juga bertindak sebagai pengajar atau guru kepada orang lain. Para pengkaji sejarah pendidikan Islam menjelaskan bahawa istilah *al-‘ālim* ini juga merujuk kepada guru yang digunakan secara berleluasa dalam karya-karya pendidikan Islam (Yaḥyā Ḥasan, 2003; al-Najādī, 2012). Hal ini disebabkan pada zaman awal Islam, *al-‘ālim* yang merupakan ulama, sarjana, ilmuwan Islam semuanya terlibat dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dalam kapasiti masing-masing di pelbagai institusi pendidikan yang wujud ketika itu (Shalabī, t.t.).

Berdasarkan perbincangan di atas, *adab al-‘ālim* ini boleh disimpulkan merujuk kepada perkara yang sepatutnya dilazimi oleh mereka yang menyampaikan ilmu kepada para pelajar, merangkumi sudut ilmu dan juga amalan. *Adab al-‘ālim* ini juga khususnya dalam konteks makalah ini merujuk kepada adab guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Dengan wujudnya adab ini dan dihayati secara ilmu dan amalan, akan menjamin kemenjadian guru yang sebenarnya menurut perspektif Islam.

Perkembangan Genre Penulisan *Adab al-‘Ālim*

Para sarjana Islam sepanjang zaman sememangnya amat mengambil perhatian terhadap persoalan *adab al-‘ālim* ini. Perhatian ini boleh dilihat berdasarkan wujudnya pelbagai karya dan juga tema perbincangan ini mula ditulis dan direkodkan seawal kurun kedua Hijrah lagi. Selain itu, perbincangan yang dikemukakan adalah menyeluruh dan holistik. Adab ini digarap berdasarkan al-Quran, Sunnah dan juga pengalaman mereka sebagai sarjana dalam bidang pendidikan untuk melahirkan guru yang sebenar menurut kaca mata Islam (Yaḥyā Ḥasan, 2003; Gunther, 2005).

Sebahagian karya yang dihasilkan dalam genre *adab al-‘ālim* ini memerihalkan adab guru secara umum, manakala sebahagian yang lain secara khusus atau dikhaskan kepada bidang dan guru dalam lapangan tertentu. Di samping itu, terdapat juga karya yang dihasilkan berdasarkan aliran pemikiran tertentu. Pengkelasan ini berdasarkan kesarjanaan dan aliran penulis karya tersebut seperti beraliran ahli fikah dan hadith (*fukahā’ wa muḥaddithūn*), aliran falsafah (*falāsifah*) dan juga aliran sufi (*ṣufiyyah*). Secara umumnya, terdapat kitab yang menyentuh tentang adab terhadap diri sendiri sebagai guru, adab terhadap Allah dan agama Islam, adab terhadap pelajar, adab terhadap guru yang lain, adab terhadap masyarakat dan juga adab terhadap sekolah atau tempat belajar. Di samping itu, ada juga perbincangan mengenai sifat dan akhlak guru, kaedah mengajar dan tatacara bergaul dengan pelbagai lapisan golongan yang ada. Berdasarkan analisis awal ini menggambarkan betapa bermaknanya khazanah genre penulisan *adab al-‘ālim* dan betapa serius perhatian para ulama terdahulu mengenai persoalan adab guru. Hal ini juga turut menjelaskan tema dan persoalan adab guru amat penting dalam sistem dan pelaksanaan pendidikan Islam.

Sorotan Penulisan *Adab al-‘Ālim* kurun kedua sehingga ke-11 Hijrah

Untuk melihat dengan lebih lanjut dan terperinci tentang penulisan dan perhatian ulama terhadap *adab al-‘ālim*, penulis mengemukakan satu sorotan berkaitan perkembangan penulisan tersebut bermula seawal kurun kedua sehingga kurun ke-11 Hijrah. Antara sarjana yang terawal direkodkan menulis karya dalam *adab al-‘ālim* ialah ‘Abd Allāh bin al-Muqaffa‘ (m.145H) dan Imam Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān, (m.150H) (Mohd Anuar, 2014, 2016). Ibn al-Muqaffa‘ menulis perihal adab dalam dua karya bertajuk *al-Adab al-Ṣaghīr* dan juga *al-Adab al-Kabīr* (Ibn al-Muqaffa‘, 1911). Manakala Imam Abū Ḥanīfah yang merupakan imam agung pada waktu itu dan pengasas mazhab Hanafi menjelaskan perihal adab guru ini dalam beberapa karya beliau. Antaranya ialah kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* (Abū Ḥanīfah, 1948; Mohd Anuar, 2016), *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf* (al-Makkī, t.t.; al-Kurdaī, t.t.; al-Tamīmī al-Dārī, 1983; Mohd Anuar *et.al*, 2014), *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Hammād* (al-‘Alawī, 2005; Mohd Anuar *et.al*, 2015) dan *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhihi Yūsuf bin Khālīd al-Samī al-Baṣrī* (Mohd Anuar *et.al*, 2015).

Pada kurun berikutnya, iaitu kurun ketiga Hijrah, terdapat dua orang sarjana yang menghasilkan karya khas berkaitan adab guru ini. Mereka ialah Muḥammad bin ‘Abd al-Salām bin Sa‘īd bin Ḥabīb, atau dikenali dengan Ibn Saḥnūn (m.256H) dengan karyanya bertajuk *Adab al-Mu‘allimīn* atau *Adab al-Mu‘allimīn wa al-Muta‘allimīn* (Shāzīlī, 1988; al-Shāfi‘ī, 1988; Gunther, 2005) dan juga Abū ‘Uthmān ‘Amrū bin Baḥr bin Maḥbūb al-Kinānī, yang juga dikenali dengan gelaran al-Jāḥiẓ.

Al-Jāhiz (m. 255H) menulis dua buah kitab, iaitu *al-Bayān wa al-Tabyīn* dan *Risālah/Kitab al-Mu‘allimīn* (al-Shāfi‘ī, 1988; Gunther, 2005).

Pada kurun keempat Hijrah pula, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān bin Khallād al-Rāmahurmuzī (m.360H) (Abū al-‘Aynayn, 1988), Abū Bakr Ḥusayn bin ‘Abd Allāh al-Ājirī (m.360H) serta Abū al-Ḥasan Muḥammad bin Abī Dhar Yūsuf al-‘Āmirī al-Naysābūrī (m.381H) turut memberi perhatian terhadap penulisan tentang adab guru ini (Gharrāb, 1988). Al-Rāmahurmuzī merupakan salah seorang sarjana dalam bidang hadith menulis kitab bertajuk *al-Muḥaddith al-Fāsil bayna al-Rāwī wa al-Wā‘ī* (al-Rāmahurmuzī, 1971). Beliau menjelaskan tentang adab yang perlu dilazimi oleh para guru khasnya mereka yang terlibat secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu hadith. Seterusnya Abū Bakr al-Ājirī, menjelaskan perihal adab ini dalam tiga karya beliau yang terkenal bertajuk, *Akhlāq Ḥamalāh al-Qur‘ān* (2008), *Farḍ Ṭalab al-‘Ilm* (2010) dan *Akhlāq al-‘Ulamā’* (Yaḥyā Ḥasan, 2003). Berbeza dengan al-Rāmahurmuzī sebelum ini, beliau menumpukan pula perbincangan adab guru yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran al-Qur‘ān dan menyeru para guru untuk meneladani para Sahabah Nabi dan golongan Salaf semasa mengajar (Mohd Anuar, 2017). Manakala Abū al-Ḥasan al-‘Āmirī pula menjelaskan tentang akhlak dan sifat para guru termasuklah guru ilmu hadith, guru ilmu kalam dan fiqh. Beliau membicarakan hal ini dalam kitab beliau bertajuk *al-Itmām li Faḍā‘il al-Anām* dan juga *al-I‘lām bi Manāqib al-Islām* (al-‘Āmirī, 1967).

Seterusnya sarjana Islam yang wafat pada awal kurun kelima Hijrah juga turut menjelaskan tentang adab guru. Beliau ialah Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Khalf al-Qābisī (m.403H) dalam kitabnya *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li Ahwāl al-Muta‘allimīn wa Aḥkām al-Mu‘allimīn wa al-Muta‘allimīn* (al-Qābisī, 2009). Kitab ini merupakan suatu huraian lanjut dan komentar terhadap karya Ibn Saḥnūn yang dikemukakan sebelum ini. Beliau juga kelihatan bersetuju dengan pendapat Ibn Saḥnūn dan boleh dikatakan agak terpengaruh dengan idea pendidikan yang dikemukakan oleh Ibn Saḥnūn (al-Ahwānī, 1955). Selain beliau, pada kurun kelima Hijrah ini terdapat ramai ulama’ dan banyak karya yang dihasilkan berkaitan adab guru ini. Antara mereka seperti Ibn ‘Abd Rabbih, Ibn Miskawayh, Ibn Sīnā, Ibn ‘Abd al-Barr, al-Khaṭīb al-Baghdādī dan Abū Ḥāmid al-Ghazālī.

Abū al-Walīd ‘Abd Allāh bin Muḥammad al-Azdarī (m.403H) yang dikenali sebagai Ibn ‘Abd Rabbih menulis tentang nilai yang perlu diterapkan oleh guru dalam *al-‘Aqd al-Farīd* (Abū Yāsīn *et.al*, 1988). Seterusnya Abū ‘Alī Muḥammad bin Ya‘qūb, yang digelar dengan Ibn Miskawayh (m.421H) pula menjelaskan adab guru yang mendidik pelajar pada peringkat kanak-kanak dalam *Tahdhīb al-Akhlāq wa Taḥīr al-‘Rāq* (al-Diyūh Jī, 1988). Hampir sama seperti Ibn Miskawayh, Ibn

Sīnā juga memberi perhatian tentang perkara ini. Mereka berdua membincangkan perihal adab ini berteraskan falsafah. Nama sebenar Ibn Sīnā ialah Abū ‘Alī al-Ḥusayn bin ‘Abd Allāh bin al-Ḥasan bin ‘Alī bin Sīnā (m.428H) (Najāṭī, 1988; al-Nuqayb, 1984). Beliau banyak membincangkan tentang adab ini dalam karya bertajuk *Kitāb al-Siyāsah*, di samping dalam beberapa karya beliau yang lain seperti *al-Durr al-Nazīm fī Aḥwāl al-‘Ulūm wa al-Ta‘līm* (Totah, 1926; al-Nuqayb, 1984).

Pada kurun kelima Hijrah ini juga terdapat tiga tokoh ulama yang amat berpengaruh dalam bidang pendidikan Islam. Mereka memberi perhatian yang mendalam tentang persoalan adab guru melalui karya khusus dan penjelasannya amat terperinci. Mereka ialah Ibn ‘Abd al-Barr, al-Khaṭīb al-Baghdādī dan Abū Ḥāmid al-Ghazālī. Ibn ‘Abd al-Barr atau nama sebenarnya Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr bin ‘Āsim al-Namīrī al-Qurtubī (m.463H) mengarang dua karya utama menjelaskan adab guru di samping beberapa tema lain tentang pendidikan Islam, iaitu *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih* dan *Adab al-‘Ilm* (al-Naḥlāwī, 1988). Ibn ‘Abd al-Barr berusaha mengumpulkan sejumlah ayat al-Qur’an, hadith dan riwayat daripada golongan Salaf untuk menjelaskan adab yang sepatutnya diamalkan oleh para guru. Sama seperti Ibn ‘Abd al-Barr juga, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit bin Aḥmad bin Mahdī atau dikenali sebagai al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H) turut mengarang beberapa karya berasaskan hasrat yang sama (al-‘Umarī, 1988). Antara karya beliau yang memerikan adab guru khasnya untuk para guru hadith dan juga fiqh ialah *al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Adāb al-Sāmi‘*, *Iqtidā’ al-‘Ilm al-‘Amal*, *al-Riḥlah fī Ṭalab al-Ḥadīth*, *Taqyīd al-‘Ilm*, *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*, dan *Mukhtaṣār Naṣīḥat Ahl al-Ḥadīth* (Yaḥyā Hasan, 2003).

Selain mereka berdua, pada kurun ini juga muncul tokoh ulama prolific dan amat baik penjelasannya mengenai adab yang sepatutnya diamalkan oleh guru. Beliau menguasai pelbagai lapangan ilmu termasuk falsafah, akidah, fiqh dan juga tasawwuf. Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Ghazālī (m.505H) juga dikenali sebagai Abū Ḥāmid al-Ghazālī serta digelar *Hujjat al-Islām* (Sulaymān, 1964; al-Barjis, 1979; Ārif Muqḍī, 1981; al-Barīdhat, 1984; Benomran, 1988; Tirwāl, t.t.). Beliau menjelaskan perihal adab guru ini dalam beberapa karya agung beliau, terutamanya *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (1999) dan *Ayyuhā al-Walad* (2010), *Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, *Mi‘yār al-‘Ilm*, *Mizān al-‘Amal* (1964), *Risālah al-Laduniyyah* (2007), *Fātiḥat al-‘Ulūm*, *Adab Ṭālib al-Ḥadīth*, *al-Adab fī al-Dīn* (1988) dan *Risālah fī Ta‘līm al-Muta‘allim*.

Seterusnya pada kurun keenam Hijrah pula, ulama’ yang membincangkan berkenaan adab guru ialah ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Tamīmī al-Sam‘ānī (m.562H) dan Jamāl al-Dīn Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān bin Abī al-Ḥasan al-Qurashī, dikenali

sebagai Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī (m.597H). Al-Sam‘ānī menjelaskan adab guru dalam dua karyanya bertajuk *Adab al-Imlā’ wa al-Istimlā’* (1952) dan juga *Ṭirāz al-Dhahab fī Adab al-Ṭalab* (Yaḥyā Ḥasan, 2003). Beliau dalam bab ini banyak memfokuskan adab kepada guru serta pelajar yang terlibat dalam majlis *imlā’* dan periwiyatan kitab. Manakala Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī pula beliau memberi perhatian terhadap galakan para guru untuk sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga mendedahkan perkara yang tidak sepatutnya diamalkan oleh para guru. Antara karya beliau tentang hal ini ialah *Ṣayd al-Khāṭir, Talbīs Iblīs* (2003), *Risālah fī Ḥaththi ‘alā Ṭalab al-‘Ilm* dan *al-Ḥaththu ‘Alā Ḥifz al-‘Ilm* (1998).

Sebagai kesinambungan daripada kurun sebelumnya, kurun ketujuh Hijrah juga terdapat ramai tokoh ulama yang menulis berkaitan adab guru ini. Ibn Ṣalāh (m.618H) menggariskan suatu adab untuk para guru dan mereka yang terlibat dalam bidang hadīth dalam pendahuluan karya beliau, *Mudaqqimah Ibn Ṣalāh fī Muṣṭalah al-Ḥadīth* dan *Adab al-Muḥṭī wa al-Muṣṭafī*. Sezaman dengan beliau juga ialah Burhān al-Dīn al-Zarnūjī (m.620H). Beliau menjelaskan perihal pendidikan Islam termasuk juga adab guru dalam *Ta‘lim al-Muta‘allim Tariq al-Ta‘allum* (‘Uthmān, 1977; Sayyid Aḥmad, 1988). Seterusnya, Muḥyi al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī (m.676H) turut menulis tentang adab guru dalam karyanya seperti *al-Tibyān fī Adab Ḥamlat al-Qur‘ān* (2009), *Adab al-Fatwā wa al-Muḥṭī wa al-Muṣṭafī*, *Adab al-Dāris wa al-Madāris/al-Mudarris* dan juga *Muqaddimah al-Majmū‘ fī Fiqh al-Shāfi‘ī* (Totah, 1926; Yaḥyā Ḥasan, 2003).

Keunikan perbincangan adab guru ini bukan sahaja dipelopori oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sahaja, malah para tokoh Shī‘ah juga turut menghasilkan karya berkaitan. Antara tokoh Shī‘ah ialah Abū Ja‘afar Muḥammad bin Muḥammad bin al-Ḥasan atau digelar sebagai Naṣīr al-Dīn al-Tusī (m.672H). Beliau menjelaskan perihal guru dan adab mereka dalam karyanya bertajuk *Risālah Adab al-Mu‘allimīn* (Yaḥyā Ḥasan, 2003; Syafiq, 2018). Secara umumnya Naṣīr al-Dīn al-Tusī menjelaskan adab guru ini hampir sama dengan apa yang dikemukakan oleh para tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, khususnya karya al-Zarnūjī.

Kurun kelapan turut menunjukkan betapa para ulama memberi perhatian yang mendalam kepada adab guru ini. Mereka memperincikan lagi dasar yang telah dikemukakan oleh para tokoh terdahulu. Walaupun apa yang dikemukakan oleh tokoh zaman ini hampir sama dengan tokoh terdahulu, namun ia kelihatan lebih terperinci dan perbincangan lebih mendalam sehingga terdapat pengkaji menyifatkan kurun ini terdapat karya yang paling lengkap tentang adab guru. Antara contoh ulama kurun kelapan ini yang begitu mengambil berat tentang adab guru ialah Badr al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm bin Jamā‘ah Ṣakhr bin ‘Abd Allāh (m.733H). Ibn

Jamā‘ah merupakan tokoh berwibawa pada zamannya dan menguasai pelbagai lapangan ilmu khususnya ilmu fiqh. Beliau menjelaskan adab dalam bidang pendidikan secara menyeluruh dan terperinci dalam kitab beliau *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fi Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Mengenai adab guru, beliau memperuntukkan bab-bab yang khusus mengenainya (Ibn Jamā‘ah., t.t.; Shams al-Dīn, 1984; Abd al-‘Āl, 1985, 1988).

Selain Ibn Jamā‘ah, tokoh ulama pada kurun ini yang membincangkan tentang adab guru antara lain al-Dhahabī, al-Tāj al-Subkī, dan juga Ibn Khaldūn. Al-Dhahabī atau nama penuhnya, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān bin Qaymāz bin al-Syaykh ‘Abd Allāh (m.748H) merupakan tokoh terkenal dalam bidang sejarah dan hadith (al-Nahlāwī, 1988). Beliau menjelaskan adab guru ini dalam kitab bertajuk *Bayān Zaghl al-‘Ilm wa al-Ṭalab* yang difokuskan mengenai kritikan terhadap adab guru mahupun pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu termasuk ilmu hadith, sejarah, mantiq dan juga fiqh (al-Dhahabī, t.t.). ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī yang digelar sebagai al-Tāj al-Subkī (m.771H) juga turut membincang perihal adab guru ini (al-Nahlāwī, 1988). Beliau menyentuh secara ringkas, namun pada dalam dua karya beliau bertajuk *Mu‘īd al-Ni‘am wa Mabīd al-Niqam* dan *Ihyā‘ al-Nuṣūṣ fi Šinā‘ah Ilqā‘ al-Durūs*. Seterusnya ‘Abd al-Raḥmān Abū Zayd Wali al-Dīn, dikenali juga dengan Ibn Khaldūn (m.808H) yang merupakan tokoh sejarah dan sosiologi Islam juga menulis tentang adab guru ini dalam karyanya *Muqaddimah* (Ibn Khaldūn, 2002; al-Kuraynī, 1982; Shams al-Dīn, 1984; Khalīl, 1988; Ghālib, t.t.; Sulaymān, t.t.).

Seterusnya, kurun ke-10H dan ke-11H juga terdapat beberapa tokoh ulama’ yang mengambil berat tentang adab guru ini. Mereka meneruskan lagi penulisan dan perbahasan dalam tema ini, sama ada memperincikan atau juga meringkaskan apa yang telah dikemukakan pada kurun sebelumnya. Antara ulama tersebut ialah Ṭash Kubrā Zādah (m. 962H), Ibn Ḥajar al-Haytamī (m.974H) dan al-Ghazzī (m.984H). Aḥmad bin Muṣṭafā bin Khalīl lebih dikenali dengan Ṭāsh Kubrā Zādah menghuraikan adab dan tugas yang sepatutnya dipikul oleh para guru dalam dua karyanya bertajuk *Risālah fi ‘Ilm al-Adab* (Yaḥyā Ḥasan, 2003) dan juga *Miftāḥ al-Sa‘ādah wa Miṣbāh al-Siyādah* (Ṭāsh Kubrā Zādah, 2010). Manakala Ibn Ḥajar al-Haytamī atau nama sebenarnya Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar pula menjelaskan adab guru dalam *Tahrīr al-Maqāl fi Adab wa Aḥkām wa Fawā‘id Yaḥtāju Ilayhā Mu‘addibu al-Atfāl* (Ibn Ḥajar al-Haytamī, 2009). Dalam kitab ini, beliau menjelaskan secara khusus adab yang sepatutnya dilazimi oleh para guru yang terlibat dalam pendidikan kanak-kanak, yang mana peringkat kanak-kanak ini merupakan pendidikan yang penting dalam membentuk jiwa, jati diri dan juga akhlak mereka. Abū al-Barakāt Badr al-Dīn

Muhammad bin Riḍā’ al-Dīn al-Ghazzī pula membincangkan perihal adab guru ini dalam *al-Durr al-Naḍīd fī Adāb al-Muḥīd wa al-Mustaḥīd* (Totah, 1926; Nakosteen, 1964). Kepentingan kitab ini dalam membicarakan tentang adab guru ini menarik minat sarjana sezaman dengan beliau meringkaskan kitab tersebut. Beliau ialah ‘Abd al-Bāsiṭ bin al-Shaykh Sharf al-Dīn Mūsā bin Muḥammad bin Ismā‘īl al-‘Almawī atau hanya dipanggil dengan gelaran ‘Abd al-Bāsiṭ al-‘Almawī. Kitab tersebut diberi tajuk *al-‘Aqd al-Talīd fī Ikhtisār al-Durr al-Naḍīd* dan sebahagian pengkaji juga menamakannya sebagai *al-Mu‘īd fī Adab al-Muḥīd wa al-Mustaḥīd*. Dalam kitab ini beliau memperuntukkan perbincangan secara terperinci tentang adab guru dalam satu bab yang khusus (al-‘Almawī, 2004).

Akhirnya, pada kurun ke-11 juga karya mengenai *adab al-‘ālim* juga masih dihasilkan oleh para sarjana. Tokoh ulama kurun ini yang membincangkan adab guru ialah Mustafā bin ‘Abd Allāh atau dikenali sebagai Ḥājī Khalīfah (m.1067H). Beliau merupakan tokoh yang menguasai bidang sejarah menjelaskan beberapa perkara asas berkaitan pendidikan Islam termasuk adab guru dalam pendahuluan karya beliau bertajuk *Kafsh al-Ḍunūn ‘An Usāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Ḥājī Khalīfah, t.t.; Khalīl, 1988; Sulaymān Ishāq, 1977).

Demikianlah satu perbincangan yang menjelaskan wujudnya pelbagai tokoh dan karya mereka masing-masing tentang adab guru dalam tradisi Islam bermula kurun kedua sehingga kurun ke-11H. Penulisan genre *adab al-‘ālim* ini berterusan sehingga kini, namun makalah ini hanya memfokuskan penelitian sehingga kurun ke-11H sahaja yang dianggap sebagai sumber premier kepada penulisan *adab al-‘ālim*. Walaupun bermula kurun ke-5H dan secara jelasnya kurun ke-8H memperlihatkan pengulangan fakta dan idea berkenaan *adab al-‘ālim* ini, namun setiap karya memperlihatkan keistimewaan masing-masing dari sudut skop, fokus dan persembahan serta penghuraian tentang keperluan tema ini dibincangkan pada kurun masing-masing. Hal ini menjelaskan karya tersebut adalah sangat relevan dengan cabaran zaman dan persekitaran penulis tersebut. Hal ini juga menjelaskan betapa kayanya khazanah ilmu Islam dan para tokohnya yang membicarakan mengenai adab guru yang sepatutnya dikaji dan diteliti untuk manfaat dan juga amalan etika guru dewasa ini. Berikut dikemukakan ringkasan urutan sarjana Islam yang menghasilkan penulisan dalam genre *adab al-‘ālim* bermula kurun kedua sehingga ke-11H.

Jadual 1: Sarjana Islam yang Menulis tentang *adab al-‘ālim* berdasarkan Aliran Pemikiran

Aliran	Sarjana Islam
<i>Fuqahā’ wa Muḥaddithūn</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Abū Ḥanīfah • Ibn Saḥnūn • Abū Bakr al-Ājirī • Ibn Khallād al-Rāmahurmuzī • Ibn ‘Abd al-Barr • al-Khaṭīb al-Baghdādī • al-Zarnūjī • al-Nawāwī • Ibn Jamā’ah
<i>Falāsifah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Ibn Miskawayh • Ibn Sīnā
<i>Ṣufiyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Abū Ḥāmid al-Ghazālī

ADAB AL-‘ĀLIM SEBAGAI SUMBER PENENTUAN KEPADA ETIKA PROFESION PERGURUAN ISLAM

Profesion guru dewasa ini kelihatan semakin mencabar dengan pelbagai perubahan dalam arus pendidikan semasa, sama ada pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk melakukan transformasi terhadap bidang perguruan agar profesion mereka kekal relevan dan mendepani pelbagai cabaran perubahan. Antara perkara penting dalam proses transformasi tersebut termasuklah perihal etika dan nilai dalam sistem pendidikan. Pihak KPM pada tahun 2009 telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia sebagai dokumen yang menjelaskan kualiti, nilai dan etika para guru. Antara kriteria penting guru yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia termasuklah guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi guru profesional yang berkesan dalam mendidik para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (BPG, 2009).

Di samping itu, pada tahun 2013 pula, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah dirumuskan. PPPM ini menjadi dasar kepada proses transformasi pendidikan yang mana aspek nilai dan etika perguruan ini diberi penekanan (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 menggariskan sebelas anjakan yang menjadi teras utama

transformasi sistem pendidikan. Antara yang berkait dengan etika perguruan ialah anjakan ketiga, melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan juga anjakan keempat pula ialah mentransformasi profesion perguruan. Kedua-dua anjakan ini amat berkait rapat secara langsung dengan nilai dan etika yang akan diterapkan dalam proses pendidikan pada pelbagai tahap. Nilai dan etika ini dapat diterapkan dengan sempurna jika guru yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran turut mempunyai etika yang mereka amalkan dalam profesion keguruan mereka. Oleh yang demikian, etika perguruan menjadi satu aspek terpenting dalam agenda transformasi pendidikan di Malaysia.

Etika menurut bahasa merujuk kepada prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan seperti persatuan dan kelompok profesional yang menjadi nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi (DBP, 2005). Etika juga merujuk kepada disiplin falsafah yang memberikan perhatian khusus kepada penilaian kritikal terhadap norma dan piawai yang mewajarkan kelakuan perseorangan serta antara individu (Abdul Rahman, 2008). Dalam bahasa Inggeris, *ethics* yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu "*ethos*" membawa maksud sebagaimana yang dijelaskan oleh K. Bertens (2003) dan Sharifah Hayaati (2010) ialah ilmu tentang apa yang dapat dilakukan atau ilmu tentang adat kebiasaan. *Ethos* juga merujuk kepada watak atau sikap (Ahmad Sunawari, 2009).

Perkataan "*ethics*" atau *etika* dari segi istilah pula merujuk kepada satu kajian yang bersifat falsafah terhadap konsep moral. Istilah ini mencakupi perspektif nilai (*values*), sifat murni (*virtues*), prinsip (*principles*) dan praktis (*practices*) walaupun dalam cara berbeza berdasarkan rasional akal (Ahmad Sunawari, 2009; Sharifah Hayaati, 2010). Seterusnya menurut Pelan Integriti Nasional Malaysia pula, etika didefinisikan sebagai "*suatu himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion*" (INTAN, 2006). Berdasarkan pernyataan ini dapat difahami bahawa etika boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu etika individu, etika organisasi dan etika profesion. Oleh yang demikian, etika profesion perguruan yang dibincangkan dalam bahagian ini merujuk kepada kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesion berkenaan, iaitu para guru. Dalam erti kata lain, ia membawa maksud satu himpunan nilai dan tingkahlaku yang perlu para guru amalkan dan lazimi sebagai seseorang guru apabila berhadapan dengan para pelajar, rakan sejawat, pentadbir dan juga para ibu bapa demi memelihara standard dan profesionalisme mereka. Ia merangkumi prinsip tingkahlaku yang perlu diamalkan dan juga tingkahlaku yang perlu dielakkan.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan oleh etika profesion perguruan itu secara tidak langsung mempunyai sedikit persamaan dengan konsep *adab al-‘ālim*. Bahkan, konsep *adab al-‘ālim* yang dikemukakan dalam makalah ini adalah lebih menyeluruh dan komprehensif, disebabkan berteraskan faham akhlak dalam Islam dan mempunyai konsep yang lebih mendasar daripada faham etika dari perspektif Barat (al-Attas, 2015). Perbincangan dalam *adab al-‘ālim* inilah yang akan menggariskan satu pengetahuan dan amalan yang mampu mencegah seseorang guru daripada tersalah atau tersasar daripada tujuan dan tugas sebenar mereka. Hal inilah yang ditetapkan oleh ajaran Islam dan menjadi akhlak serta kod etika setiap individu muslim tanpa mengira jawatan, pangkat, darjat, umur, tempat dan organisasi di mana mereka berkhidmat. Selain itu, perbincangan *adab al-‘ālim* yang digambarkan dalam sorotan genre penulisan di atas adalah pelbagai dan komprehensif. Secara umumnya ia merangkumi adab terhadap diri sendiri sebagai guru, adab terhadap Allah dan agama Islam, adab terhadap pelajar, adab terhadap guru lain (rakan sejawat), adab terhadap masyarakat dan juga adab terhadap sekolah atau tempat belajar. Di samping itu, karya yang diketengahkan juga membincangkan mengenai sifat dan akhlak guru, kaedah mengajar dan tatacara bergaul dengan pelbagai lapisan golongan yang ada. Hal ini menjelaskan bahawa genre penulisan *adab al-‘ālim* ini sebenarnya perlu dikaji, dijadikan kerangka asas dan sebagai sumber kepada penentuan etika profesion perguruan menurut perspektif Islam. Amat tidak wajar jika khazanah tersebut diabaikan dalam mendepani pelbagai isu dan permasalahan etika profesionalisme dewasa ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa *adab al-‘ālim* merupakan salah satu daripada genre penulisan yang amat luas dan pelbagai. Ia membincangkan perkara yang amat penting dalam bidang pendidikan Islam. *Adab al-‘ālim* ini merupakan perkara asas dan menjadi garis panduan kepada para guru pendidikan Islam supaya mereka tidak tersalah dalam mengajar dan juga bertindak. Hal ini akan menjamin mereka dihormati dan seterusnya matlamat pendidikan Islam itu tercapai dengan jayanya. Bertitik tolak daripada kefahaman ini, para sarjana Islam amat memberi perhatian dan menghasilkan pelbagai penulisan bertemakan *adab al-‘ālim* sama ada berbentuk am dan khas atau berdasarkan aliran pemikiran masing-masing. Tinjauan terhadap perkembangan genre penulisan karya ini membuktikan sepanjang kurun kedua hingga kurun ke-11H terdapat 29 orang sarjana Islam yang menulis sejumlah karya berkaitan *adab al-‘ālim*. Penulisan tersebut begitu menyeluruh dan terperinci. Oleh yang demikian, *adab al-‘ālim* berteraskan penulisan dan tradisi Islam ini sepatutnya ditonjolkan sebagai sumber dan kerangka asas kepada penentuan Etika Profesion Perguruan Islam. Dengan

terbinanya Etika Profesion Perguruan Islam, beberapa elemen penting tentang adab guru dapat difahami dan diamalkan oleh para guru pada pelbagai peringkat pengajian sama ada di sekolah rendah, menengah dan universiti. Ia juga akan menjadi garis panduan kepada para pentadbir yang menguruskan perjalanan sistem pendidikan Islam di Malaysia.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme*, Fasa 1/2015 (FP024-2015A) dan juga Geran Penyelidikan USIM (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan, khususnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaya (UM) serta rakan-rakan penyelidik.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Āl, Ḥasan Ibrāhīm. (1988). “Al-Fikr al-tarbawī ‘inda al-Imām Abī al-Faraj Ibn al-Jawzī”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 3, 95-144.
- _____. (1985). *Fann al-ta’līm ‘inda badr al-dīn bin jamā’ah*. Riyād: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj.
- _____. (1988). “al-Fikr al-Tarbawī ‘inda Badr al-Dīn Ibn Jamā’ah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 3, 273-320.
- ‘Abd al-Bāsīṭ bin Mūsā bin Muḥammad al-‘Almawī. (2004). *al-Mu’īd fī adab al-mufīd wa al-mustafīd*. Edited by Marwān al-‘Aṭiyyah. Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- ‘Abd al-Dā’im, ‘Abd Allāh. (1984). *al-Tarbiyyah ‘abr tārikh*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyin.
- ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Sam‘ānī. (1952). *Adab imlā’ wa istimlā’*, ed. Max Weisweiler. Leiden: E.J. Brill.
- ‘Abd Allah bin al-Muqaffā’. (1911). *al-Adab al-saghir*, ed. Aḥmad Zaki Basha. Iskandariyyah: Jam‘iyyah al-‘Urwah al-Wuthqa al-Khayriyyah al-Islamiyyah.
- ‘Abd al-Rahmān bin Abi al-Ḥasan al-Qurashī. (2003). *Talbis Iblis*, ed. Majdī bin ‘Abd al-Hādī. Mansurah: Dār Ibn Rajab.
- ‘Abd al-Rahmān bin Khaldūn. (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*, Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Jurjānī. (2000). *al-Ta’rifāt*, ed. Muḥammad Bāsal ‘Uyūn al-Sawd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- ‘Alī bin Muḥammad bin Khalf al-Qābisī. (2009). *al-Risālah al-mufaṣṣalah li ahwāl al-muta‘allimin wa ahkām al-mu‘allimin wa al-muta‘allimin*, ed. ‘Alī bin Aḥmad al-Kindī. Abū Dabi: Mu’assasah Baynunah..
- ‘Amrū bin Baḥr al-Jāhiz. (t.t.). *al-Bayān wa al-tabyīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Uthmān, Aḥmad. (1977). *al-Ta‘allum ‘inda burhān al-Islām al-Zarnūjī*. Qāherah: Maktabah al-Anjlu al-Misriyyah.
- ‘Ārif Muqḍī. (1981). *al-Tawjīh al-Islāmī li al-nash‘i fī falsafah al-Ghazālī*. Beirut: Dār al-Andalus.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (2008). *Pendidikan moral: Teori etika dan amalan moral*. Serdang: UPM.
- Abū al-‘Aynayn, ‘Alī Khalīl Muṣṭafā. (1988). “al-Ihtimāmat al-tarbawiyah ‘inda Ibn Khallād al-Rāmahurmuzī”, *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:27-62.
- Abū al-Ḥasan Muḥammad bin Abī Dhar Yūsuf al-‘Āmirī. (1967). *al-I‘lām bi manāqib al-Islām* ed. Aḥmad ‘Abd al-Ḥamīd Gharrāb. Kaherah: Dār al-Kitab al-‘Arabī.
- Abū Bakr al-Ājirī. (2008). *Akhlāq hamalah al-Qurān*, ed. Majdī Fathī al-Sayyid. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth.
- _____. (2010). *Farḍ Ṭalab al-‘Ilm*, ed. ‘Alī bin Aḥmad bin Ḥasan. Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif.
- _____. (2008). *Akhlāq hamalah al-Qur‘ān*, ed. Majdī Fathī al-Sayyid. Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābat li al-Turāth.
- Abū Ḥamid al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad (2010). *Ayyuhāal-walad*, ed. Muḥyī al-Dīn ‘Alī. Beirut: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah.
- _____. (1964). *Mizān al-‘amal*, ed. Sulaymān Dunyā. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- _____. (1988). “al-Adab fī al-dīn” dalam *Majmū‘ah Rasā‘il al-Imām al-Ghazālī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 89-119.
- _____. (1999). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muḥammad Sayyid, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth.
- Abū Yāsīn, Ḥasan ‘Īsā & al-Sandiyūnī, Wafā’. (1988). “al-Nazariyyāt al-tarbawiyah fī kitāb al-‘aqd al-farīd li Ibn ‘Abd Rabbih al-Andalusī”, *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:145-188.
- Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Baghdādī. (1975). *al-Faqīh wa al-mutafaqiqih*, ed. Syaykh Ismā‘īl al-Anṣārī. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Sunnah al-Nabawiyah.
- _____. (2012). *Iqtidā’ al-‘ilm al-‘amal*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāni, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif.

- Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar. (2009). *Tahrir al-Maqāl fi Adab wa Ahkām wa Fawā'id Yahtāju Ilayhā Mu'addibu al-Atfāl*, ed. ‘Alī bin Aḥmad al-Kindī. Abū Dabi: Mu’assasah Baynunah.
- Aḥmad bin Muṣṭafā bin Khalīl. (2010). *Miftāh al-Sa’ādah wa Misbāh al-Siyādah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Aḥmad Shalabī. (t.t.). *Tārikh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Qāherah: Maktabah Anjlu.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Pengantar Falsafah*. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- al-‘Umarī, Akram Diyā’. (1988). “al-Khaṭīb al-Baghdādī: Sīratuhū al-Dhātiyyah, Bī’atuhū al-Ḥaḍāriyyah, Intājuhū al-Fikrī wa Ihtimāmātuhā al-Tarbawiyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:232-245.
- al-Ahwānī, Aḥmad Fu’ād. (1955). *al-Tarbiyah fi al-Islām aw al-Ta’līm fi al-Ra’yi al-Qābisī*. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Barīdhat, ‘Abd al-Ḥāfiẓ Aḥmad ‘Alawī. (1984). *Nazariyyah al-Tarbiyyah al-Khuluqiyah ‘inda al-Imām al-Ghazālī*. ‘Ammān: Dār al-Furqān.
- al-Barjis, al-Jābirī ‘Alī. (1979). *al-Ghazālī wa Wasāyāhu al-Tarbawiyah, fi Ḥalqah binā’ al-Ṭiḡl fi al-Khalīj al-‘Arabī*. Basrah: Jāmi’ah Basrah.
- al-Bazārī, Ismā’īl bin ‘Uthmān bin Bakr bin Yūsuf. (t.t.). *Tafhīm al-Mutafahhim Sharḥ Ta’līm al-Muta’allim*. Daghasan: Dār al-Risālah.
- al-Diyūh Jī, Sa’īd. (1988). “Ibn Miskawayh”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:219-244.
- al-Faytūrī, Shāzilī. (1988). “Ārā’ al-Imāmyn Saḥnūn wa Ibnihī Muḥammad fi al-Tarbiyyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1:233-234.
- Al-Ghāwijī, Wahbī Sulaymān. (1988). “al-Imām Abū Ḥanīfah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1:127-159.
- al-Ḥāj, Fā’iz Muḥammad. (1988). “al-Imām Abū Ḥamid al-Ghazālī”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 3:27-58.
- al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān bin Khallād al-Rāmahurmuzī. (1971). *al-Muḥaddith al-Fāsil bayna al-Rāwī wa al-Wā’i*, ed. Muḥammad ‘Ajāj Khaṭīb. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kuraynī, Muṣṭafā. (1982). *al-Tanzīr al-Tarbawī ‘inda Ibn Khaldūn*. Rabāt: al-Ma’had al-Tarbawī al-Watani bi Jāmi’ah Muḥammad al-Khāmis.
- al-Naḥlāwī, ‘Abd al-Raḥmān. (1988). “al-Imām Muḥammad al-Dhahabī, Tarjamatuhu wa ba’da Ārā’ihī wa Asālibihī al-Tarbawiyah: Dirāsah Taḥlīliyyah Tārikhiyyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 4:27-65.

- _____. (1988). “al-Imām Yusuf bin ‘Abd al-Barr: Tarjamatuhu wa Ihtimāmātuhu al-Fikriyyah wa al-Tarbawiyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:295-322.
- _____. (1988). “al-Tāj al-Subkī Ihtimāmātuhu al-Tarbawiyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 4:87-120.
- _____. (1988). *al-Isḫāḥ al-Tarbawī wa Ijtimā’ī wa al-Siyāsi min Khilāl al-Mabādī’ wa al-Ittijāhāt al-Tarbawiyah ‘inda al-Tāj al-Subkī*, Beirut/Dimasyq: al-Maktab al-Islāmi.
- al-Nawāwī, Yaḥyā bin Sharaf. (2009). *al-Tibyān fī Adab Ḥamalah al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Ibrāhīm Sunbul. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- _____. (2009). *al-Tibyān fī Adab Ḥamalah al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Ibrāhīm Sunbul. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth.
- al-Nuqayb, ‘Abd al-Raḥmān. (1984). *Falsafah al-Tarbiyyah ‘inda Ibn Sīnā* Kaherah: Dār al-Thaqāfah li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr.
- al-Rāmahurmuzī, al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān. (2009) *Amthāl al-Ḥadūth*. Giza: Dār al-Fārūq.
- al-Shāfi’ī, Ibrāhīm Muḥammad. (1988). “al-Jāḥiẓ”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1:279-309.
- _____. (1988). “Muḥammad bin Saḥnūn”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*, Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1:252.
- al-Zarnuji, Burhān al-Din. (1987). *Ta’līm al-Muta’allim Tariq al-Ta’allum*, ed. Solāh Muḥammad al-Khaymi & Nadhir Hamdān. Dimashq: Dār Ibn Kathir.
- _____. 1986). *Ta’līm al-Muta’allim Ṭarīq al-Ta’allum*, ed. Muṣṭafā ‘Āshūr. Kaherah: Būlāq, 1986.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Bertens. K. (2003). *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: UM.
- Che Zarrina Sa’ari. (2007). *al-Ghazali and Intuition: An Analysis, Translation and Text of Risālah al-Laduniyyah*. Kuala Lumpur: Department of Aqidah and Islamic Thought.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan, edisi 4*. Kuala Lumpur: DBP.
- Foo Say Fooi. (2005). *Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ghālib, ‘Atiqah *et.al.* (t.t.). *Nazariyyah Ibn Khaldūn fī al-Tarbiyyah*. Rabāt: al-Ma’had al-Tarbawī al-Watani bi Jāmi’ah Muḥammad al-Khāmis.

- Gharrāb, Aḥmad ‘Abd al-Ḥamīd. (1988). “Abū al-Ḥasan al-‘Amirī wa Ārā’uhu al-Tarbawīyah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:87-124.
- Ḥājī Khalīfah, Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh. (2008). *Kashf al-Zunūn ‘An Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Baghdad: Maktabah al-Muthannā.
- Hans Wehr. (2008). *Arabic-English Dictionary*, ed. J.M.Cowan. Ithaca: Spoken Language Services.
- Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Ibrāhīm Bin Aḥmad. (t.t.). *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn. Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyyah li al-Kitāb.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram. (t.t.) *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Šādir & Dār Beirut.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn bin Aḥmad. (2005). *Majmū‘ah al-Fatāwā, i‘tinā’ ‘Āmir al-Jazzār & Anwār al-Bāz*. Mansurah: Dār al-Wafā’ li al-Ṭiba‘ah wa al-Nashr.
- INTAN. (2006). *Pelan Integriti Nasional*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). *Keperibadian Guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah Kepada Allah S.W.T.: Satu Kajian Kes*. Prosiding World Conference On Muslim Education, Selangor: Kerajaan Negeri Selangor dan Islamic Academy, Cambridge, UK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalīl, ‘Imād al-Dīn. (1988). “Ḥājī Khalīfah”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 4: 173-194.
- _____. (1988). “Ibn Khaldūn”, *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 4:121-150.
- Laylā ‘Abd al-Rashīd. (1998). *Ārā’ Ibn Jawzī al-Tarbawīyah: Dirāsatan wa Taḥlilan wa Taqwīman wa Muqāranan*. Maryland: Amana Publication.
- Mohamed M. Benomran. (1988). *al-Ghazali’s Epistemology and Cognitive Educational Objectives*. Michigan: University Microfilms International, Dissertation Information Service.
- Mohd Anuar Mamat. (2012). “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Terjemahan dan Analisis”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- _____. (2013). “Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan”. *Jurnal Usuluddin* 37 (2013), 1-32.

- _____. (2016). *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2010). “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*”, *AFKAR* 11, 129-166.
- _____. (2014). “Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*”. *TAFHIM* 7, 97-130.
- _____. (2016). “Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhihi Yūsuf Al-Samtī*”, *AFKAR* 18, Isu 2, 43-102.
- Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān bin Qaymāz. (t.t.). *Bayān Zaghl al-‘Ilm wa al-Ṭalab*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Najāṭī, Muḥammad ‘Uthmān. (1988). “Ibn Sīnā”, *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 2:245-262.
- Nakosteen, Mehdi. (1964). *History of Islamic Origins of Western Education A.D. 800-1350*. Boulder, Colorado: University of Colorado Press.
- Sayyid Aḥmad ‘Uthmān. (1988). “Burhān al-Islām al-Zarnūjī wa Kitābuhū: Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta‘allum”, *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah*. Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 3:173-189.
- Sebastian Gunther. (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.
- Shams al-Dīn, ‘Abd al-Amīr. (1984). *al-Fikr al-Tarbawī ‘inda Ibn Khaldūn wa Ibn al-Azraq*. Beirut: Dār Iqrā’
- _____. (1984). *al-Madhhab al-Tarbawī ‘inda Ibn Jamā’ah: Tadhkirah al-Mutakallim fi Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim, Tahlīl wa Taḥqīq*. Beirut: Dār Iqrā’.
- Sharifah Hayaati Ismail Al-Qudsy. (2010). *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sulaymān Ishāq Muḥammad ‘Aṭīyyah. (1977). *Buḥūth fi al-Tarbiyah min Kashf al-Zunūn li Ḥājī Khalīfah: al-‘Ilm wa al-Ta‘līm fi al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Miṣriyyah.
- Sulaymān, Faṭḥiyyah Ḥasan. (1964). *Madhhab al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī*. Kaherah: Maktabah Nahḍah Misr.
- _____. (t.t.). *Baḥth fi al-Madhāhib al-Tarbawī inda Ibn Khaldūn*. Qāherah: Maktabah Nahḍah al-Fikr.
- Syed Muḥammad Naquib al-Attas. (1999). *the concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC.

- _____ . (2015). *Risalah untuk kaum Muslimin dalam Himpunan Risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- Tirwāl, ‘Abd Allāh. (t.t.). *Malāmiḥ al-falsafah al-tarbawiyah al-ta‘līmiyyah ‘inda al-Ghazālī*. Rabāt: al-Ma’had al-Tarbawī al-Waṭanī bi Jāmi’ah Muḥammad al-Khāmīs.
- Total, Khalil A. (1926). *The contribution of the Arabs to education*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muḥammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī. (t.t.). *Muqaddimah al-Imām al-Nawāwī li kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, ed. Muḥammad Muḥammad Yūsuf Tāmir. al-‘Ajūzah: Maktabah al-Imān.
- Yaḥyā Ḥasan ‘Alī Murād, (2003). *Ādāb al-‘Ālim wa al-muta‘allim inda al-mufakkirīn al-Muslimīn*. Beirut: Dar ak-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr. (t.t.). *Jāmi‘ bayān al-‘ilm wa faḍlih*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Berita Harian. 20 Julai 2011. “*Hukuman guru laku seks melampau ke atas dua murid kekal*”.
- Berita Harian. 20 September 2013. “*Sikap guru punca ponteng*”.
- Berita Harian. 2012. “*Guru pukul murid hingga mati*”.
- Berita Harian. 29 Julai 2016. “*Ustaz ditahan kes 3 pelajar tahfiz cedera dirotan*”.
- Harian Metro. 20 Julai 2016. “*Guru dipenjara dua tahun kerana memiliki filem lucu dan menyebarkan gambar lucu serta palsu terhadap pemimpin negara*”.
- Malaysiakini, 21 Mei 2015, “*MARA siasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru*”.
- Metro. 21 Jun 2010. “*Guru tiada masa untuk keluarga*”.
- Sinar Harian. 8 Mac 2013., “*Guru ditangkap khalwat dalam semak*”.
- Utusan Malaysia. 07 Mei 1995. “*Kod Etika Perguruan Kita Sudah Profesional*”.
- Utusan. 3 Januari 2013. “*Guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India*”.
- Utusan. 6 Ogos 2016. “*Skim cepat kaya: 5 guru ditahan*”.